

Penderaan seksual

Ajar anak kata 'tidak'

Oleh HAFIDAH IBRAHIM

PENINGKATAN kes penderaan seksual ke atas kanak-kanak boleh dibendung sekiranya ibu bapa mengajar mereka bagaimana untuk melindungi diri daripada sebarang gangguan seksual.

Sebaliknya apa yang berlaku kini ialah kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seks tersepit di antara kebenaran dan ketakutan untuk mendedahkan perkara sebenar kepada ibu bapa.

Apa yang menyedihkan perlakuan yang tidak berperi kemanusiaan ke atas kanak-kanak dilakukan oleh keluarga yang mempunyai pertalian rapat dengan mangsa seperti ayah, bapa tiri, abang, pakcik, datuk atau rakan yang rapat dengan ibu bapa mereka.

Sepatutnya anak yang tiada dosa ini memerlukan bimbingan daripada orang yang lebih dewasa dan bukannya menjadi tempat melepaskan nafsu buas mereka.

Sehubungan itu, Minggu Kesedaran Penderaan Seksual Kanak-kanak yang dianjurkan oleh PS The Children bertema *Breaking The Silence* mengajak masyarakat mendidik kanak-kanak mengatakan 'Tidak' kepada individu yang cuba menyentuh mereka dengan cara yang meragukan biarpun bapanya sendiri.

Rata-rata peserta yang menghadiri seminar tiga hari bermula 3 April lalu, di Institut Latihan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan, di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur berpendapat, kanak-kanak perlu diajar tentang pentingnya menjaga tempat sulit mereka daripada disentuh dengan sesuka hati.

Menurut mereka, sebaliknya sentuhan yang dibenarkan untuk tujuan kebersihan dan perubahan misalnya oleh doktor.

Daripada kes-kes yang dilaporkan, kanak-kanak dalam lingkungan usia tiga tahun hingga 12 tahun menjadi mangsa seksual kepada lelaki yang berumur 19 tahun ke atas.

Kebiasaannya mangsa melaporkan pendera mem-



REINA MICHAELSON



DAWN MCKENNON



DENISE CHARMAN

gang bahagian sulit dan memeluk mereka dengan sentuhan yang berbeza.

Misalnya dalam satu kaji selidik di Australia, telah dikenal pasti 28 peratus mangsa penderaan seksual adalah kanak-kanak perempuan manakala sembilan peratus kanak-kanak lelaki.

Pakar Psikologi, **Reina Michaelson** dari Melbourne Australia, berkata, perlakuan yang bersifat kebinatangan itu berlaku dalam keadaan rahsia di mana kanak-kanak disuruh mendiamkan diri daripada diketahui orang lain.

"Pendera biasanya memberitahu dirinya akan dimasukkan ke dalam penjara manakala mangsa akan mendapat malu dan hidupnya akan musnah jika perkara sebenar didedahkan," katanya dalam ceramah bertajuk

'Pencegahan Penderaan Seksual Ke Atas Kanak-kanak'.

Menurut beliau, di sinilah peranan ibu bapa atau mereka yang paling dipercayai mangsa patut berada di sisinya bagi membantu mangsa.

"Perasaan takut, malu serta bersalah sering menguasi fikiran mangsa hingga membuatkan mereka berasa serba salah untuk mengadu kejadian sebenar kepada ibu bapa," jelasnya.

Katanya lagi, ibu bapa harus memberikan kepercayaan kepada kanak-kanak dan mengulangi bahawa mereka dipercayai.

Malah ibu bapa ujarnya, perlu memahami situasi mangsa yang menganggap dirinya amat kotor, jika serta bersalah akibat kejadian tersebut.

Kanak-kanak mangsa dera yang merasa rendah diri akan menghukum diri sendiri dengan terjebak dalam gejala dadah, alkohol, sikap kurang ajar, makan berlebihan dan pelacuran.

Beliau juga memberitahu, kanak-kanak yang kurang upaya lebih berisiko tinggi menjadi mangsa penderaan seksual berbanding kanak-kanak normal.

Penceramah kedua, **Dawn McKennon**, seorang pekerja sosial dari Universiti Teknologi Swinburne, berpendapat campur tangan daripada pelbagai agensi dalam membantu kanak-kanak yang tidak berdosa ini adalah strategi berkesan menangani tekanan perasaan mangsa.

Kejayaan campur tangan masyarakat dalam masalah penderaan kanak-kanak bergantung kepada reaksi dan sikap mereka sendiri untuk membantu.

"Bagaimanapun, campur tangan dan peranan yang dimainkan oleh pelbagai agensi tertakluk kepada penglibatan mereka secara terus atau sambil melindungi kanak-kanak yang mempunyai risiko tinggi," katanya dalam kertas kerjanya bertajuk 'Krisis Strategi dan Campur tangan'.

McKennon memberitahu, sikap masyarakat akan membezakan mereka dalam mengatasi sesuatu masalah khususnya kes pengabaian dan penderaan kanak-kanak.

Malah katanya, kejayaan campur tangan secara serius oleh individu dari badan kebajikan pada keluarga mangsa bergantung kepada komitmen mereka mengatasi kes tersebut.

Adalah penting bagi pekerja sukarela, jururawat, guru, kaunselor, pakar psikologi dan lain-lain untuk membantu dan melayan keluarga yang terlibat dalam masalah ini secara simpati dan berhemah.

Di akhir ceramahnya, beliau menghuraikan proses campur tangan dan perlindungan kanak-kanak terdiri daripada beberapa pendekatan antaranya, campurtangan krisis, persidangan kes, perancangan kes, persidangan kumpulan keluarga, pengurusan kes dan amalan penampilan sosial.

Dr. Denise Charman dari Victoria, Australia pula memberitahu, setiap agensi terbabit perlu menghormati dan melayan keluarga si mangsa dengan penuh beramah.

Layanan yang baik daripada agensi terbabit memberi persepsi bahawa mereka benar-benar bersungguhsungguh untuk membantu.

Tambahnya lagi, pihak sukarela perlu menjelaskan peranan dan tanggungjawab mereka supaya mereka tidak disalah anggap dengan menerangkan keselamatan kanak-kanak menjadi keutamaan mereka.

Selain perlu belajar kebudayaan dan agama yang menjadi amalan keluarga dan masyarakat terbabit, agensi sukarela ini